

UCAPAN YANG AMAT BERBAHAGIA
DATO SERI DATIN PADUKA
DR. SITI HASMAH BTE HJ. MOHD. ALI
DI MAJLIS PELANCARAN RANCANGAN PENGIMUNAN
HEPATITIS B PERSATUAN ORANG-ORANG BUTA
MALAYSIA DI PUSAT LATIHAN GURNEY,
JALAN TUN SAMBANTHAN KUALA LUMPUR
PADA HARI RABU, 15HB. NOVEMBER, 1989
PUKUL 9.00 PAGI

Penyerasi Majelis.

② YB Senator Mohd Faiz Ruffin
Semb. Menteri Kesihatan.

YB. Dato Saifudin b. Tamby,
Speaker Dewan Undangan Negeri
Selangor D. Ehsan.

③ TYT. Duta Besar Negeri Perancis + Itali.

④ Difa Kehormat

⑤ Yuaris + Puan, sekalian.

⑥ YB Tjeng Gen. Ibrahim. NPPres. MAB.

⑦ Y Ariff Jalil Hj. Agmir Hj. Kamardin.
Penyerasi Majelis JTK Exco MAB.

⑧ Penyerasi Besar, Rhone Pontenc.
Lm. Aw Swe King
James



Bismillahir rahmanir rahim.

Yang Amat Berbahagia Tun Hussein Onn,
Yang Di-Pertua
Persatuan Orang-Orang Buta Malaysia;

Yang Berhormat Dato Mustapha Mohamad,
Menteri Kebajikan Masyarakat;

Dif-Dif Kehormat;

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

Assalamu alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Salam sejahtera

Syukur alhamdulillah kerana kita dapat berkumpul beramai-ramai di upacara Pelancaran Rancangan Pengimunan Penyakit Hepatitis B untuk orang-orang cacat penglihatan di bawah penyeliaan Persatuan Orang-Orang Buta Malaysia pada hari ini. Saya percaya usaha seperti ini jarang sekali diadakan dan saya berasa bertuah kerana diberi peluang untuk berucap dan seterusnya merasmikan Majlis ini.

2. Penyakit Hepatitis adalah suatu penyakit inflamasi pada hati yang boleh disebabkan oleh jangkitan virus, bakteria atau protozoa. Bahan kimia beracun, dadah dan minuman keras boleh juga menyebabkan kerosakan pada hati dan boleh membawa kepada penyakit Hepatitis. Hepatitis B ialah sejenis penyakit hepatitis yang disebabkan oleh salah satu daripada

...empat/-



empat virus yang merosakkan hati. Virus ini sangat merbahaya kerana ianya boleh membawa kepada komplikasi seperti cirrhosis hati dan kanser hati.

3. Hepatitis B merupakan penyakit yang lebih merbahaya daripada Hepatitis A. Sungguhpun 90% daripada pesakit ini sembuh, tetapi seseorang pesakit itu berkemungkinan menjadi pembawa *Chronic carrier* kronik dengan risiko tinggi menghadapi keadaan kronik hepatitis,

cirrhosis hati dan kanser hati.

4. Antara tanda-tanda dan gejala-gejala penyakit Hepatitis B adalah terdiri jangkitan 'acute' diikuti dengan penyakit sembuh terus. Pesakit ini akan menunjukkan tanda dan gejala seperti kehilangan selera makan, demam,

...letih/-

letih, loya dan muntah, sakit di bahagian kanan perut, kekuningan kulit dan lain-lain. Keduanya, ialah jangkitan subklinikal iaitu dengan tiada menunjukkan apa-apa tanda dan gejala dan diikuti dengan pesakit terus sembuh. Ketiganya, ialah jangkitan 'acute' diikuti dengan jangkitan kronik hati ataupun jangkitan subklinikal diikuti dengan jangkitan kronik hati.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

6. Seperti yang telah dikatakan, sungguhpun kebanyakan orang akan sembuh setelah mendapat jangkitan Hepatitis B, tetapi sebilangan orang pula tidak akan sembuh sepenuhnya. Virus Hepatitis B akan terus berada di dalam tubuh mereka dan ia berupaya merebakkan virus

... ini/-

ini kepada orang lain. Mereka yang menjadi pembawa Hepatitis B juga boleh mengalami barah hati dalam jangkamasa 10-20 tahun yang berikutnya.

7. Bayi yang baru lahir biasanya menjadi sasaran utama. Jika bayi itu dilahirkan oleh ibu yang merupakan seorang pembawa penyakit ini, maka lebih 90% kemungkinan bagi bayi tersebut akan menjadi pembawa kronik sepanjang hayatnya.

Tuan-tuan dan puan-puan,

8. Pada hari ini terdapat lebih 300 juta pembawa Hepatitis B di seluruh dunia. Daripada bilangan ini, 170 juta pembawa terdapat di benua Asia, dengan 45 juta

...pembawa/-

pembawa di Asia Tenggara. Ini menunjukkan betapa seriusnya penyakit Hepatitis B ini kepada kita.

9. Virus Hepatitis B boleh membang di dalam tubuh melalui darah, air liur, air mani dan sebarang cairan tubuh badan kita. Oleh itu penyakit Hepatitis B boleh berjangkit dengan mudah melalui hubungan seks; penggunaan alat-alat yang dicemari oleh pembawa penyakit seperti alat suntikan, tato dan akupuntuh perkongsian barang-barang persendirian seperti berus gigi, pisau cukur dan lain-lain lagi; sentuhan yang tidak disengajakan dengan cecair atau cairan pembawa penyakit melalui luka di kulit, kudis dan 'mucous' daripada mata dan mulut; dan bayi yang dilahirkan oleh

...ibu/-

ibu yang dijangkiti atau menjadi pembawa hepatitis B.

10. Penyakit Hepatitis B boleh dielakkan melalui pengimunan atau imunisasi dengan menggunakan suntikan vaksin yang sesuai pada masa ini. Bayi dan kanak-kanak harus disuntik secepat mungkin dengan dos pertama selepas kelahiran dan 3 dos diperlukan untuk perlindungan lengkap. Para remaja dan orang dewasa yang ujian darahnya mendapati bahawa mereka belum lagi dijangkiti virus Hepatitis B boleh disuntik atas pilihan sendiri. Golongan tertentu yang mempunyai risiko tinggi seperti penderma darah, ahli keluarga pesakit, pekerja-pekerja perubatan dan kesihatan dan penagih dadah harus mendapat suntikan.

... Tuan-tuan/-

Tuan-tuan dan puan-puan,

11. Di Malaysia sahaja, dianggarkan sekurang-kurangnya 3-5% daripada jumlah penduduknya adalah pembawa Hepatitis B. Mereka ini berkemungkinan akan menjadi pembawa penyakit Hepatitis B berjangkit kepada orang lain dan kepada ahli keluarga mereka. Bayi akan terus dijangkiti oleh ibu yang menjadi pembawa penyakit ini melalui "vertical transmission".

12. Di negara ini risiko seseorang terdedah kepada penyakit Hepatitis B boleh dikatakan tinggi. Semenjak tahun ini, Kerajaan telah memulakan rancangan imunisasi secara percuma kepada kumpulan-kumpulan sasaran utama iaitu bayi baru lahir, pekerja-pekerja perubatan

...dan/-

dan kesihatan dan penagih dadah secara suntikan. Rancangan ini memerlukan perbelanjaan yang tinggi oleh Kerajaan kerana kos vaksin adalah mahal. Sekiranya setiap orang yang terdedah kepada penyakit ini perlu disuntik, maka perbelanjaannya amatlah tinggi sekali dan ianya tidak dapat dibiayai oleh pihak Kerajaan. Sungguhpun risiko orang dewasa menjadi pembawa adalah rendah, namun seseorang individu yang belum dijangkiti oleh virus Hepatitis B bolehlah mendapatkan suntikan di atas perbelanjaan sendiri.

13. Di samping itu usaha-usaha syarikat-syarikat swasta yang mengedarkan vaksin Hepatitis B untuk mendermanya kepada badan-badan sukarela seperti Persatuan Orang-Orang Buta Malaysia adalah suatu usaha

... yang/-

34. RHONE - POLYENC (M) SDN BHD

yang dipuji dan disanjung tinggi. Oleh itu saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada pihak penganjur Majlis ini kerana menjemput saya melancarkan rancangan pengimunan penyakit Hepatitis B pada hari ini.

14. Usaha seperti ini amatlah dihargai kerana ia memberi erti yang besar kepada orang-orang cacat penglihatan. Saya suka mengambil peluang ini untuk mengucapkan tahniah kepada Persatuan Orang-Orang Buta Malaysia kerana khidmat cemerlang mereka terhadap orang-orang cacat penglihatan. Tanpa usaha dan kerjasama mereka upacara ini tidak mungkin dapat diadakan.

... Tuan-tuan/-



- 10 -

Para hadirin seheran

Tuan-tuan dan puan-puan,

fusa

15. Akhir sekali, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Y.A.Bhg. Tun Hussein Onn selaku Yang Di-Pertua Persatuan Orang-Orang Buta Malaysia kerana menjadi tuan rumah Majlis pada hari ini. Di atas kerjasama beliau dan semua pihak yang terlibat saya ingin merakamkan rasa bangga serta setinggi-tinggi penghargaan. Semoga majlis ini akan direstui dan diberkati Allah Subhanahu wa Ta'ala, insya-Allah.

16. Dengan ini, saya dengan sukacitanya melancarkan Rancangan Pengimunan Pencegahan Penyakit Hepatitis B bagi orang-orang cacat penglihatan dengan rasminya.

